

Dakwaan sengaja mahu jejaskan permohonan AHDA

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Akreditasi dan Pembangunan Halal Australia (AHDA) mendakwa segala tuduhan yang dikaitkan dengan badan pensijilan halal luar negara itu adalah satu rekaan bertujuan menjayakan permohonan akreditasi semasa pihaknya dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Dalam satu maklum balas kepada *Mingguan Malaysia*, jurucakap AHDA memaklumkan, ia sekali gus meletakkan keraguan kepada pihak luar terhadap kredibiliti AHDA selaku badan akreditasi luar negara yang dipercayai atas dakwaan berhubung ketidakpatuhan halal sebuah rumah sembelihan di Brisbane, Queensland di bawah seliaan mereka.

Menurutnya, setiap rumah sembelihan yang diiktiraf pihaknya mempunyai pemeriksa kepala haiwan Muslim yang bertanggungjawab membuat pemeriksaan kerosakan tempurung kepala selari dengan dasar dan garis panduan halal ditetapkan di samping memenuhi piawaian halal antarabangsa seperti MS 1500, UAE.S 2055-1, GSO 993, dan OIC-SMIIC-1.

Bekas pekerja rumah sembelihan lembu di Queensland buat pengakuan

Lagi langgar protokol halal

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Selepas pendebatan pelanggaran protokol halal oleh Thomas Food Industries (TFI) di Lobethal, Australia, lagi status halal merugikan membabitkan sebuah rumah sembelihan di negara berkenaan dibongkar.

Rail ini ia didakwa berlaku

di Brisbane, Queensland dan rumah sembelihan berkenaan turut mendapat pengiktirafan badan pensijilan halal negara berkenaan, Akreditasi dan Pembangunan Halal Australia (AHDA).

Situasi tersebut berlaku seorang bekas pekerja di rumah sembelihan berkenaan dikenali sebagai Osama yang pengendalikannya kerja-kerja penyembelihan

lembu secara kaedah menembak pelalian tekanan bagi membolehkan haiwan sebelum disembelih.

Sehinggalah itu, beliau memuktamadkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) berhasrat untuk mengiktiraf status halal rumah sembelihan dari Australia.

Ini kerana katanya, AHDA dalam proses mahu mendapat-

kan kelulusan daripada Jakim untuk membolehkan produk daging dari semua rumah sembelihan di bawah penyeliaan mereka memasuki pasaran Malaysia.

Mengikut protokol penyembelihan halal, kaedah itu diburukkan tanpa mencederakan fizikal haiwan atau menyebarkan kematiannya sebelum disembelih.

Keadaan haiwan itu sama ada mati lebih awal sebelum disembelih atau sebaliknya boleh



mengekspor produk daging mereka ke Malaysia.

Akhbar ini sejak Selasa lalu mendedahkan pengakuan tiga bekas pekerja berhubung ketidakpatuhan halal sebuah rumah sembelihan di sana selepas isu sama berlaku di Thomas Food Industries (TFI) di Lobethal, Australia.

Rumah sembelihan yang mendapat pengiktirafan halal AHDA itu menggunakan kaedah stunning iaitu menembak pelalian tekanan bagi melemahkan haiwan sebelum disembelih.

Namun cara berkenaan boleh mengakibatkan tempurung kepala haiwan pecah jika tidak dilakukan dengan betul, sekali gus mengakibatkan haiwan itu mati terlebih dahulu sebelum disembelih.

Berhubung tuduhan penyembelih tidak berpeluang memeriksa kawasan penyimpanan daging seperti peti sejuk atau rak pembungkusan, AHDA berkata, hanya penyelia halal yang bertugas akan melaksanakan pemeriksaan keseluruhan sistem terutama memeriksa bangkai tidak halal untuk memastikan ia sepadan dengan nombor dalam sistem.

Penyelia halal kemudiannya akan menandatangani semua helaian rekod halal AHDA sebagaimana disahkan melalui audit dilaksanakan badan akreditasi luar negara selain kelulusan daripada agensi Kerajaan Australia iaitu Jabatan Pertanian, Air dan Persekitaran Australia (DAWE).

Pada masa sama, AHDA mematuhi dasar ketat mengenai pemisahan antara makanan halal dan tidak halal apatah lagi dakwaan wujudnya penyimpanan daging babi kerana kesemua rumah sembelih di bawah seliaan pihaknya tidak dibenarkan menyimpan daging babi di kawasan penyimpanan mereka dalam apa jua keadaan.

"AHDA tidak menerima sebarang produk halal yang dinamakan, dilabel atau diiklankan dengan perkataan 'pork'

atau 'bacon' dan maklumat itu boleh disemak menerusi laman web mengenai Skim Halal AHDA: <https://www.ahda.com.au/ahda-halal-scheme/>.

"Sijil halal eksport dijana oleh DAWE dan kemudiannya dihantar ke pejabat kami dan pekerja kami akan menandatangani, mengecap beserta tarikh secara manual sebelum menghantarnya kepada pelanggan.

"Pelanggan tidak mempunyai akses dan tidak boleh menandatangani sijil eksport secara digital kerana setiap sijil perlu ditandatangani dengan tulisan tangan di pejabat kami," katanya.

Pada masa sama, AHDA memberitahu, tiada jumlah minimum yang ditetapkan untuk haiwan itu dimusnahkan jika mendapati ia tidak halal kerana kod berkomputer digunakan bagi merekodkannya sebaik sahaja dikenal pasti tidak halal sekali gus memberi implikasi keseluruhan rantaian.

Justeru, pihaknya hairan berhubung dakwaan pekat tidak halal sengaja ditanggalkan memandangkan sistem pengkomputeran yang diguna pakai adalah mustahil untuk berbuat demikian kerana terdapat kod yang berbeza bagi mengasingkan produk halal dan tidak halal.